

615:  
MAHATHIR-DAERAH

ALOR SETAR, 17 MAC (BERNAMA)-- DR. MAHATHIR MOHAMED MENINGAT-  
KAN RAKYAT HARI INI SUPAYA MENYINGKIRKAN PERASAAN KEDAERAHAN KERANA  
INI BOLEH MENIMBULKAN PECAHBELOH DAN KERUNTUHAN NEGARA.

SEBALIKNYA MEREKA HENDAKLAH MENGANGGAP DIRI SEBAGAI SATU BANGSA  
YANG SENTIASA BERSATU KERANA PERPADUAN MERUPAKAN SENJATA KUAT  
UNTUK MEMATAHKAN SEBARANG PERCUBAAN MEMUSNAHKAN NEGARA INI,  
KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN DI PERAYAAN JUBLI  
PERAK UMNO CAWANGAN PADANG LUMAT, 15 BATU DARI SINI PETANG INI.  
TURUT HADIR DI MAJLIS ITU JALAH MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SRI SYED  
AHMAD SHAHABUDDIN.

TAMBAHNYA, RAKYAT HENDAKLAH SANGGUP MENERIMA PARA PEMIMPIN YANG  
BUKANNYA DATANG DRI NEGERI SENDIRI KERANA UMNO ADALAH UNTUK SELURUH  
NEGARA DAN TIDAK DIKHAJAN UNTUK SESEBUAH NEGERI TERTENTU.

DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN PARA PEMIMPIN SUPAYA TIDAK  
BERSIFAT TAMAK DI SAMPING TERLALU MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI TETAPI  
BERKHIDMAT UNTUK KEUTUHAN NEGARA DAN RAKYAT SELURUHNYA. --BERSAMBUNG  
1808/MD

616:  
MAHATHIR-DAERAH 2 ALOR SETAR

BELIAU YANG JUGA PEMANGKU TIMBALAN PRESIDEN UMNO MENYATAKAN  
KEYAKINANNYA BAHAWA PARTI ITU DAPAT MEMPERTAHANKAN KEDUDUKANNYA  
SEKARANG SELAGI ORANG-ORANG MELAYU SEDAR TENTANG TANGGUNGJAWAB  
MEREKA.

KATANYA, WALAUPUN UMNO MERUPAKAN PARTI POLITIK YANG BESAR, IA  
TIDAK PERNAH BERNIAT UNTUK MERAMPAS HAK-HAK ORANG LAIN, SEBALIKNYA  
BERJUANG MENDAPATKAN HAK-HAK ORANG MELAYU SEPERTI YANG TERMAKTUB  
DALAM PERLEMBAGAAN.

DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENERIMA SUMBANGAN \$471.30 DARI PERSATUAN  
SILAT GAYONG, KUNTAU JAWA DAN TOMOI KEDAH UNTUK TABUNG PEMULIHAN  
TUGU NEGARA.

SEMENTARA ITU, DATUK SRI SYED AHMAD PULA MENERIMA SUMBANGAN \$500  
DARI PERSATUAN YANG SAMA UNTUK PUSAT DAKWAH ISLAM KEDAH. --BERNAMA  
1812/MD